



BELANJAWAN NEGERI PAHANG 2026

بلنجاون نكري قهغ 2026

Pahang 1st : Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan.



TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SRI DIRAJA HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL
MENTERI BESAR PAHANG**

BELANJAWAN NEGERI PAHANG TAHUN 2026

05 DISEMBER 2025 (JUMAAT)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera, Salam Maju Terus Pahang dan Salam Pahang 1st.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

1. Alhamdulillah. Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat serta izin-Nya, kita sekali lagi diberi kesempatan berhimpun dalam dewan yang mulia ini untuk saya membentangkan Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2026.
2. Mudah-mudahan Allah SWT terus memelihara negeri Pahang Darul Makmur dan mengurniakan kesejahteraan yang berpanjangan kepada seluruh rakyatnya. Marilah kita sama-sama memperbanyakkan selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, agar kita berada dalam kalangan umat yang dikasihi Baginda.
3. Di kesempatan ini, patik merafak sembah dan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni

Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj, serta Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah atas segala nasihat, bimbingan serta tunjuk ajar sepanjang patik melaksanakan amanah mentadbir negeri Pahang Darul Makmur.

4. Saya juga turut merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut hadir dan mengambil bahagian mendengar pembentangan belanjawan yang amat penting untuk masa depan negeri kita.

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN NEGERI PAHANG

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

5. Negeri Pahang kini berada pada landasan kukuh sebagai sebuah negeri makmur, progresif dan berdaya saing, serta didorong pertumbuhan ekonomi yang stabil, peningkatan hasil serta pelaksanaan projek berimpak tinggi.
6. Kejayaan ini meletakkan negeri Pahang dalam laluan untuk mencapai status berpendapatan tinggi, hasil daripada kestabilan politik dan perpaduan rakyat yang menjadi asas utama kepada perancangan pembangunan yang berkesan.
7. Dalam melaksanakan amanah mengurus tadbir negeri, Kerajaan Negeri sentiasa membudayakan prinsip Maqasid Syariah iaitu

menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sebagai panduan utama dalam setiap keputusan demi kesejahteraan rakyat.

8. Alhamdulillah, saya amat bersyukur apabila kutipan hasil Kerajaan Negeri berada pada tahap membanggakan dengan terus melepasi angka 1 bilion ringgit untuk 4 tahun berturut-turut sejak tahun 2022 disebabkan tadbir urus dinamik, pengukuhan kutipan hasil, keberkesanan usaha mengawal ketirisan serta lonjakan ekonomi.
9. Kejayaan ini turut selari dengan rekod Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Pahang yang meningkat 23 peratus dalam tempoh 2019 hingga 2024 hasil daripada dasar pembangunan negeri yang strategik dan mampan.
10. Pada tahun lalu, negeri Pahang mencatat pertumbuhan KDNK 5.7 peratus melepasi paras nasional 5.1 peratus dengan nilai 68.7 bilion ringgit yang dipacu oleh sektor perkhidmatan, pembuatan, perlombongan dan pengkuarian serta pertanian.
11. Dalam pada itu, syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (S-GLC) turut memainkan peranan penting dengan menyumbang 3.16 bilion ringgit atau 4.6 peratus kepada KDNK Pahang tahun lalu melalui 9 syarikat induk dan Badan Berkanun Negeri serta 49 anak syarikat yang berperanan sebagai pemacu ekonomi strategik negeri termasuk sebahagiannya ditubuhkan sejak tahun 2018.
12. Kenaikan KDNK ini didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang kukuh, kemasukan pelabur yang konsisten serta peningkatan peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan.

13. Dalam aspek pelaburan, negeri Pahang terus menjadi destinasi pilihan di mana sehingga November tahun ini, jumlah pelaburan komited yang masuk adalah sebanyak 18.04 bilion ringgit melebihi sasaran 14.09 bilion ringgit, membuktikan keyakinan pelabur terhadap keupayaan negeri mengurus kestabilan politik dan iklim perniagaan yang kondusif.
14. Dalam aspek tenaga buruh, jumlah guna tenaga di Pahang meningkat kepada 788,800 orang pada suku ketiga tahun ini berbanding 768,600 orang pada tahun 2024.
15. Kadar pengangguran pula menurun daripada 16,700 orang atau 2.2 peratus pada tahun 2024 kepada 13,800 orang atau 1.7 peratus pada suku ketiga tahun 2025, hasil limpahan peluang pekerjaan melalui pelaburan yang rancak serta pembangunan ekonomi yang berterusan.
16. Selain itu, Kerajaan Negeri sekali lagi menerima pengiktirafan melalui penganugerahan Sijil Ketua Audit Negara bagi Pendapat Tanpa Teguran untuk Penyata Kewangan Tahun 2024 yang merupakan bukti jelas bahawa Kerajaan Negeri mengamalkan tadbir urus kewangan yang cekap, telus dan berintegriti.
17. Segala pencapaian ini bukanlah usaha Kerajaan Negeri semata-mata tetapi digarap melalui pendekatan kerjasama seluruh jentera pentadbiran, sokongan padu rakyat, komitmen sektor swasta, kekuatan institusi negeri serta kestabilan politik yang kita pertahankan bersama.

ANGGARAN HASIL, PERBELANJAAN MENGURUS DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2026

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

18. Seterusnya, saya akan membentangkan Anggaran Hasil, Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan Negeri Pahang untuk tahun 2026.
19. Bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri menyasarkan kutipan hasil mencecah **1.279 bilion ringgit**. Unjuran kutipan hasil ini meningkat lebih kurang 7 peratus berbanding Belanjawan Tahun 2025.
20. Daripada jumlah ini, **1.274 bilion ringgit** diperuntukkan bagi Perbelanjaan Mengurus merangkumi perbelanjaan emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan kenaan bayaran tetap serta perbelanjaan lain dan aset dengan peningkatan sebanyak 91.83 juta ringgit atau 7.76 peratus berbanding tahun 2025 dengan lebihan atau surplus sebanyak 5 juta ringgit.
21. Bagi menampung perbelanjaan pembangunan negeri dan untuk memastikan kelancaran pelaksanaan projek, peruntukan sebanyak **446.26 juta ringgit** disediakan iaitu kenaikan sebanyak 11.67 peratus daripada peruntukan pembangunan tahun 2025.
22. Di kesempatan ini, saya merakamkan penghargaan kepada YAB Perdana Menteri dan Kerajaan Persekutuan atas kelulusan 15 buah projek dan inisiatif untuk negeri Pahang menerusi Belanjawan 2026 yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 Oktober 2025.

TUJUH TERAS BELANJAWAN NEGERI PAHANG TAHUN 2026: LANDASAN MASA DEPAN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

23. Selaras dengan Aspirasi Pahang 1st, belanjawan ini adalah kesinambungan kepada visi besar negeri iaitu sebuah pelan tindakan yang dirancang, bersifat menyeluruh serta bersandarkan pada 7 teras utama yang menjadi nadi pembangunan negeri.
24. Melalui pendekatan yang ikhlas dan berteraskan tadbir urus yang baik, Kerajaan Negeri beriltizam membawa Pahang ke mercu kemajuan yang mampan dengan rakyat sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap perancangan.
25. Bersandarkan kepada perspektif ini, maka tema '**Pahang 1st : Rakyat Didahulukan, Kemakmuran Dipertahankan**' telah dipilih menjadi inti pati keseluruhan Belanjawan Negeri Pahang untuk tahun 2026.
26. Tujuh Teras Utama Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2026 ialah:

Pertama : **MEMARTABATKAN AGAMA ISLAM, MEMELIHARA
INSTITUSI DIRAJA DAN MENGANGKAT WARISAN
BUDAYA**

Kedua : **MELONJAK EKONOMI NEGERI**

Ketiga : **MENINGKATKAN TARAF PENDIDIKAN DAN TVET**

Keempat : **MEMBENTUK RAKYAT BERJATI DIRI DAN
MELAHIRKAN PEMIMPIN MASA HADAPAN**

Kelima : **MEMASTIKAN TADBIR URUS DINAMIK,
BERPRESTASI TINGGI DAN BERINTEGRITI**

Keenam : **MENJAMIN KELESTARIAN ALAM**

Ketujuh : **MENYEJAHTERAKAN KEHIDUPAN RAKYAT**

**TERAS PERTAMA : MEMARTABATKAN AGAMA ISLAM,
MEMELIHARA INSTITUSI DIRAJA DAN MENGANGKAT WARISAN
BUDAYA**

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

27. Teras pertama iaitu Memartabatkan Agama Islam, Memelihara Institusi Diraja dan Mengangkat Warisan Budaya merupakan jiwa dan semangat Pahang, nadi keperibadian rakyatnya serta akar yang membentuk jati diri negeri ini sejak turun-temurun. Agama hidup dalam jiwa rakyat, membimbing cara berfikir, memandu keutamaan dasar serta memastikan pembangunan yang dijalankan sentiasa diberkati.
28. Di sisi agama, berdirilah Institusi Diraja Pahang dan Daulah Islam yang tetap utuh sejak 555 tahun lalu. Institusi diraja ini bukan sekadar simbol, tetapi payung yang menaungi perpaduan, menjamin kestabilan, mengangkat maruah negeri serta menjadi lambang keluhuran tamadun negeri Pahang.
29. Warisan budaya pula adalah akar yang menyuburkan tamadun dan membina jati diri kita. Adat resam, bahasa, seni dan sejarah perjuangan nenek moyang menjadi tali pengikat masyarakat agar

tidak hanyut oleh arus perubahan tanpa berpaut kepada nilai yang memberi pedoman.

30. Atas kesedaran ini, Kerajaan Negeri memilih teras ini sebagai teras pertama Belanjawan Negeri Pahang Tahun 2026 kerana asas sesebuah negeri bukan terletak pada kemajuan fizikal semata-mata, tetapi pada kekuatan akidah, keluhuran institusi diraja dan kesuburan budaya.
31. Inilah tiang seri yang memastikan negeri Pahang terus megah, berdaulat dan utuh menghadapi masa depan.

PERTEGUH SYIAR ISLAM

32. Bagi memperkukuhkan kedudukan Islam sebagai paksi kehidupan dan pentadbiran negeri, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan berjumlah **235.95 juta ringgit** untuk tahun 2026 iaitu peningkatan sebanyak 39.89 juta ringgit atau 20.35 peratus berbanding tahun 2025.
33. Peningkatan ini adalah bukti jelas bahawa Kerajaan Negeri bukan sahaja mengekalkan komitmen memperteguh syiar Islam tetapi meningkatkannya dengan lebih agresif dan berstrategi, sekaligus menepis dakwaan yang menuduh Kerajaan Negeri tidak islamik dan sekular.
34. Kerajaan Negeri tetap memilih jalan istiqamah dengan melangkah tenang dan tertib dalam memastikan syiar Islam terus ditegakkan di bumi bertuah ini tanpa goyah oleh celaan yang tidak membawa apa-apa makna.

35. Selain itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan **116.58 juta ringgit** bagi pengoperasian semua sekolah agama di seluruh negeri Pahang.
36. Sebanyak **17.4 juta ringgit** lagi disediakan bagi pembinaan baharu dan penyelenggaraan sekolah-sekolah agama demi memastikan persekitaran pembelajaran yang kondusif dan berkualiti tinggi.
37. Dalam memastikan keselesaan ibadah umat Islam, Kerajaan Negeri memperuntukkan **7.28 juta ringgit** untuk projek sambungan pembinaan Masjid Al-Fatah Batu 3 dan Masjid Indera Sempurna, Kuantan termasuk kerja-kerja penyelenggaraan yang lain.
38. Dalam pada itu, sebanyak **5.65 juta ringgit** disediakan bagi pembinaan baharu Kompleks Pejabat Agama Islam Daerah Kuantan di Indera Mahkota serta penyelenggaraan bangunan Jabatan Agama Islam Pahang bagi mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan agama di negeri Pahang.
39. Sebagai tanda keprihatinan terhadap perkembangan pendidikan Islam, bayaran elaun tambahan dinaikkan sebanyak **100 ringgit** kepada setiap Guru Al-Quran dan Fardhu Ain asrama menjadikan jumlah keseluruhan adalah sebanyak **1 ribu ringgit** setiap seorang untuk 350 orang guru.
40. Dalam pada itu, bayaran tambahan elaun sebanyak **100 ringgit** juga diberikan kepada setiap Guru KAFA seluruh negeri Pahang melibatkan implikasi kewangan berjumlah **3.66 juta ringgit**.
41. Kerajaan Negeri juga telah meluluskan penubuhan Sekolah Rendah Agama Islam Negeri Pahang di Cameron Highlands melibatkan kos

keseluruhan sebanyak **3.23 juta ringgit** bagi pembayaran emolumen pegawai dan kakitangan serta pengubahsuaian bangunan.

42. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri bersetuju mengurangkan yuran persekolahan agama daripada 490 ringgit kepada **370 ringgit** iaitu penurunan sebanyak 120 ringgit atau 24.5 peratus, serta pengurangan yuran asrama bagi sekolah menengah agama daripada 670 ringgit kepada **560 ringgit** iaitu pengurangan sebanyak 110 ringgit atau 16.4 peratus.

PENJENAMAAN UNIPSAS SEBAGAI UNIVERSITI AL-QURAN

43. Bagi menjunjung titah Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang dan aspirasi menjadikan negeri Pahang sebagai pusat kecemerlangan ilmu Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (UnIPSAS) yang merupakan institusi pengajian tinggi milik Kerajaan Negeri akan diberi wajah serta visi baharu sebagai **Universiti Al-Quran** bagi melahirkan generasi yang bukan sahaja berilmu, tetapi berakar kepada wahyu sebagai panduan utama kehidupan.
44. Sehubungan itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan **20 juta ringgit** sebagai geran mengurus dan pembangunan bagi memastikan agenda transformasi **Universiti Al-Quran** ini dapat direalisasikan dengan lebih tersusun dan berkesan. Peruntukan tahunan ini melibatkan kenaikan sebanyak 66.7 peratus berbanding peruntukan pada tahun 2025 iaitu sebanyak **12 juta ringgit**.

45. Dalam usaha menyuburkan kefahaman fiqh, jati diri kenegaraan dan semangat Hubbul Watan, Kerajaan Negeri memperuntukkan **1.5 juta ringgit** bagi menjayakan Program Pemerkasaan Fiqh Al-Watan.
46. Program ini menjadi wadah pendidikan rakyat agar selari dengan kedudukan negeri Pahang sebagai sebuah Daulah Islam yang berdaulat dan negeri yang berpegang kepada fahaman **Ahli Sunnah Waljamaah** berdasarkan aliran **al-Asyairah dan al-Maturidiyah**.
47. Sehubungan itu, saya menyeru seluruh umat Islam di negeri Pahang agar berpegang teguh kepada ajaran yang sahih, menolak sebarang fahaman songsang, ajaran menyesatkan atau gerakan ekstrem yang boleh menggugat akidah, memecahbelahkan ummah serta merosakkan keharmonian masyarakat. Pegangan **Ahli Sunnah Waljamaah** mesti terus dipertahan sebagai benteng akidah, asas perpaduan dan teras kekuatan negeri ini.

MEMPERKASA WARISAN BUDAYA DAN PELANCONGAN NEGERI

48. Memasuki tahun 2026, Kerajaan Negeri akan terus memperkasakan sektor pelancongan dengan pendekatan lebih strategik, inklusif dan berimpak tinggi selaras dengan Visit Malaysia 2026.
49. Sehingga suku ketiga tahun 2025, jumlah kehadiran pelancong ke negeri Pahang meningkat kepada **11.47 juta** pelawat berbanding **10.02 juta** pelawat dalam tempoh sama tahun 2024, hasil pelaksanaan kempen promosi pelancongan yang agresif serta peningkatan kualiti produk dan destinasi pelancongan yang menarik.

50. Untuk itu, pelbagai perancangan perlu dilaksanakan melibatkan kerjasama pelbagai pihak bagi mewujudkan ekosistem pelancongan lebih mesra dan menarik lebih ramai pelancong ke negeri ini.
51. Bagi tujuan itu, sebanyak **34.65 juta ringgit** diperuntukkan untuk program pembangunan dan geran mengurus agensi pelancongan negeri, satu jumlah yang menggambarkan tekad Kerajaan Negeri menjadikan pelancongan sebagai pemangkin ekonomi negeri.
52. Perbadanan Muzium Negeri Pahang akan menerima **18.52 juta ringgit** bagi memastikan warisan budaya negeri terus dipelihara, dimodenkan dan dipamerkan dengan cara yang lebih menarik kepada rakyat dan pelancong.
53. Tourism Pahang pula diberi peruntukan sebanyak **8.39 juta ringgit** termasuk **1 juta ringgit** khusus bagi latihan dan pensijilan penggiat industri pelancongan. Langkah ini akan meningkatkan profesionalisme, menarik pelaburan dan mengukuhkan kapasiti tenaga kerja dalam sektor pelancongan negeri.
54. Perbadanan Taman Negeri Pahang akan menerima **2.7 juta ringgit** termasuk 700 ribu ringgit untuk pembangunan Lipis Geopark yang berpotensi menjadi destinasi geo-pelancongan bertaraf antarabangsa.
55. Majlis Biodiversiti Pahang turut diberi peruntukan **2 juta ringgit** bagi melaksanakan program konservasi, pendidikan dan aktiviti pelancongan berasaskan alam semula jadi.

56. Di Pulau Tioman, sebanyak **5.12 juta ringgit** diperuntukkan sebagai geran mengurus dan pembangunan kepada Lembaga Pembangunan Tioman termasuk **580 ribu ringgit** diperuntukkan bagi program promosi, penganjuran acara dan infrastruktur pelancongan di pulau tersebut. Langkah ini memastikan Pulau Tioman terus menjadi permata pelancongan negeri Pahang yang dikenali dunia.

TERAS KEDUA : MELONJAK EKONOMI NEGERI

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

57. Teras kedua iaitu Melonjak Ekonomi Negeri, memberi fokus kepada pemacuan ekonomi negeri Pahang secara agresif, tersusun dan mampan dengan mewujudkan ekosistem ekonomi yang lebih kompetitif melalui pengukuhan industri dan pelaburan, pemodenan sektor tradisional serta pembangunan infrastruktur sebagai pemangkin peluang pekerjaan dan peningkatan taraf hidup rakyat.

MENINGKATKAN KEUSAHAWANAN

58. Keusahawanan kekal sebagai pemacu penting pembangunan ekonomi rakyat. Untuk itu, Program Usahawan Makmur diteruskan pada tahun 2026 dengan peruntukan **5 juta ringgit** bagi membantu usahawan menembusi pasaran baharu, meningkatkan jualan serta memperkukuh daya saing produk tempatan.
59. Bagi membantu penjaja dan peniaga kecil berlesen di seluruh negeri, Kerajaan Negeri melalui Inisiatif Makmur Pahang memperuntukkan **3 juta ringgit** bagi pemberian lesen percuma kepada penjaja B40 sedia ada seluruh negeri Pahang.

60. Seterusnya, Kerajaan Negeri memperuntukkan **300 ribu ringgit** bagi memastikan rakyat memahami hala tuju ekonomi negeri melalui Pelan Induk Ekonomi Negeri Pahang atau PET-30.

MENGUKUH AGENDA KETERJAMINAN MAKANAN NEGERI

61. Bagi memastikan agenda keterjaminan makanan negeri terus diperkukuh secara strategik dan bersepadu, Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada pemerkasaan 3 sektor utama iaitu penternakan, pertanian dan perikanan melalui pembangunan teknologi moden serta penglibatan aktif rakyat dalam ekosistem agro negeri dengan peruntukan sebanyak **68.63 juta ringgit** untuk tahun 2026.
62. Bagi merancakkan sektor penternakan, Kerajaan Negeri memperuntukkan **24.7 juta ringgit** merangkumi:
- i. Pertama. **23.55 juta ringgit** kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang bagi pengurusan dan pembangunan.
 - ii. Kedua. **650 ribu ringgit** bagi Projek Peningkatan Genetik Ternakan dan peluasan Projek Wagyu Pahang.
 - iii. Ketiga. **500 ribu ringgit** melalui Skim Makmur Ternak untuk membantu penternak kecil dan sederhana meningkatkan kapasiti pengeluaran.

63. Bagi sektor pertanian pula, Kerajaan Negeri memperuntukkan **42.63 juta ringgit** merangkumi:
- i. Pertama. **40.63 juta ringgit** kepada Jabatan Pertanian Negeri Pahang bagi pengurusan dan pembangunan.
 - ii. Kedua. **2 juta ringgit** untuk menganjurkan Program MAHA Pahang sebagai platform pemerkasaan agroekonomi dan agropelancongan.
64. Bagi sektor perikanan pula, Kerajaan Negeri memperuntukkan **1.3 juta ringgit** yang merangkumi:
- i. Pertama. **600 ribu ringgit** bagi Program Pembangunan Kualiti Perikanan Darat, Konservasi Baka Ikan Asli dan Pengembangan Akuakultur di bawah Rancangan Perikanan Negeri Pahang.
 - ii. Kedua. **250 ribu ringgit** bagi Kempen Penghapusan Ikan Asing termasuk mengekang ancaman ikan baung ekor merah dan bukannya untuk dikomersialkan.
 - iii. Ketiga. **250 ribu ringgit** bagi Program Pelepasan Benih Ikan Asli ke perairan umum seluruh negeri.
 - iv. Keempat. **200 ribu ringgit** bagi menganjurkan Karnival Nelayan Darat 2026 untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap konservasi dan industri perikanan air tawar.

TERAS KETIGA : MENINGKATKAN TARAF PENDIDIKAN DAN TVET

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

65. Teras ketiga iaitu Meningkatkan Taraf Pendidikan dan TVET atau Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional, merupakan tunjang kemajuan dalam mana-mana masyarakat yang ingin melonjak ke tahap yang lebih tinggi.
66. Sesebuah negeri boleh membina bangunan yang megah, jalan raya yang luas dan projek yang gah, namun tanpa rakyat yang berpengetahuan, celik teknologi, berkemahiran dan berdaya saing, pembangunan itu tidak akan mampu dipertahankan dalam jangka masa panjang. Modal insan yang berkualiti bukan sekadar lambang kebijaksanaan sesebuah kerajaan, tetapi merupakan jaminan utama untuk masa depan negeri Pahang.

PENDIDIKAN BERKUALITI

67. Pendidikan yang kukuh adalah permulaan kepada setiap kejayaan. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pahang memperuntukkan **75 juta ringgit** secara menyeluruh bagi ekosistem pendidikan negeri merangkumi sekolah, institusi pengajian tinggi, tahfiz dan pembangunan masyarakat.
68. Daripada jumlah itu, **24 juta ringgit** disediakan sebagai biasiswa kepada 50 ribu pelajar sekolah rendah dan menengah sebagai usaha memberi ruang yang lebih luas kepada anak-anak Pahang untuk mencapai kecemerlangan.

69. Kerajaan Negeri melalui Yayasan Pahang memperuntukkan **8 juta ringgit** kepada pembangunan komuniti belia dan graduan. Ini mencerminkan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk memperkukuh jaringan sosial dan modal insan pada semua peringkat.
70. Langkah-langkah ini menunjukkan negeri Pahang tidak berkompromi apabila menyentuh soal pendidikan anak bangsa. Setiap wang yang dibelanjakan adalah pelaburan untuk menjadikan generasi akan datang lebih berdaya saing, lebih kreatif dan lebih bersedia mengemudi masa depan negeri.

TVET: PASARAN KERJA MASA HADAPAN

71. Industri masa depan menuntut kemahiran teknikal yang tinggi khususnya dalam bidang TVET yang pada hari ini bukan lagi dianggap sebagai pilihan kelas kedua, sebaliknya menjadi keutamaan pihak industri yang memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan lebih relevan selari dengan permintaan pasaran kerja moden.
72. Bagi memastikan anak Pahang memiliki kemahiran TVET, Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan sebanyak **3.5 juta ringgit** kepada Pahang Skills untuk menyediakan infrastruktur, penyelenggaraan dan naik taraf kemudahan latihan.
73. Sebanyak **1 juta ringgit** lagi diperuntukkan kepada Pahang Skills bagi program padanan industri melalui TVET Pahang Talent Development bertujuan memastikan graduan dan pekerja yang tiada sijil kemahiran dapat meningkatkan kebolehpasaran mereka sekali gus mengisi peluang pekerjaan berkualiti.

74. Selaras dengan perkembangan sektor pengangkutan rel di Malaysia, Kerajaan Negeri menyediakan **1 juta ringgit** geran padanan kepada Yayasan Pahang untuk Akademi Rel Pahang UCYP University dengan kos keseluruhan sebanyak **2 juta ringgit**.
75. Inisiatif ini memberi anak-anak Pahang peluang memasuki industri rel dengan latihan soft skills terutamanya dalam menyediakan pasaran kerja apabila Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang dijangkakan akan beroperasi pada Januari 2027.

MEMPERKUKUH PENDIDIKAN ISLAM DAN TAHFIZ

76. Kerajaan Negeri memandang pendidikan Islam sebagai asas pembinaan akhlak dan jati diri. Bagi memperkukuh pendidikan tahfiz serta memastikan anak-anak daripada keluarga B40 tidak tercicir, Kerajaan Negeri memperuntukkan **1.8 juta ringgit** sebagai subsidi Tadika Tahfiz Negeri Pahang di semua 42 DUN.
77. Melalui inisiatif ini, kanak-kanak seawal usia 4 tahun akan mendapat pendedahan kepada asas al-Quran, nilai murni dan akhlak Islam seterusnya melahirkan generasi huffaz dan masyarakat berakhlak mulia.
78. Kerajaan Negeri juga bersetuju memberi geran padanan sebanyak **7.5 juta ringgit** kepada Yayasan Pahang bagi membina Maahad Tahfiz Negeri Pahang ketiga di negeri ini yang akan dibina di daerah Maran dengan kos keseluruhan sebanyak **15 juta ringgit** pada tahun 2026.

MEMACU INOVASI DAN STEM (SCIENCE, TECHNOLOGY, ENGINEERING AND MATHEMATICS)

79. Bagi menggalakkan inovasi dan kreativiti, Kerajaan Negeri memperuntukkan **500 ribu ringgit** bagi Pahang STEM Competition yang membuka peluang kepada murid sekolah dan pelajar IPT menonjolkan idea, inovasi serta ciptaan mereka di peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa.

TERAS KEEMPAT : MEMBENTUK RAKYAT BERJATI DIRI DAN MELAHIRKAN PEMIMPIN MASA HADAPAN

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

80. Teras keempat iaitu Membentuk Rakyat Berjati Diri dan Melahirkan Pemimpin Masa Hadapan menegaskan komitmen Kerajaan Negeri untuk membina generasi Pahang yang kuat jati dirinya, celik ilmu, teguh semangat kebangsaan serta bersedia memimpin negeri ini ke arah masa depan yang lebih makmur.
81. Kita mahu rakyat Pahang bukan sekadar menjadi pemerhati pembangunan tetapi menjadi penggerak, pelaksana dan pemimpin kepada masa depan negeri.

AKADEMI PAHANG 1st MELAHIRKAN RAKYAT BERJATI DIRI

82. Akademi Pahang 1st ditubuhkan sebagai platform strategik dalam membentuk kefahaman rakyat terhadap dasar-dasar Kerajaan Negeri memperkukuh pendidikan kenegaraan, membina sahsiah dan jati diri serta sebagai pusat pembinaan minda rakyat Pahang.

83. Selaras dengan fungsi tersebut, Kerajaan Negeri memperuntukkan **4 juta ringgit** bagi penganjuran program ilmiah dan strategik. Antaranya, Wacana Intellektual Pahang: Konvensyen Pemikiran dan Dasar serta Inisiatif Penyelidikan Dasar Strategik Pahang.

PROGRAM PAHANG LEAD

84. Menyedari pentingnya mencari pelapis kepimpinan negeri, Program Pahang Lead diteruskan dengan peruntukan **2 juta ringgit**. Program ini melatih pelajar sekolah dengan asas kepimpinan, pemikiran strategik dan nilai integriti.
85. Anugerah Kecemerlangan Sekolah Pahang 1st pula diperuntukkan **220 ribu ringgit** untuk menghargai sekolah terbaik setiap daerah yang menunjukkan pencapaian luar biasa dalam pengurusan dan pembangunan pelajar.

MEMPERKASA BELIA

86. Belia adalah tenaga penggerak serta pewaris masa depan negeri ini. Justeru, bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri melaksanakan pelbagai program strategik dengan peruntukan khusus bagi memastikan belia Pahang terus berdaya saing, berwibawa dan mampu memimpin negeri ke hadapan. Program-program tersebut adalah:
- i. Pertama. Sebanyak **700 ribu ringgit** melalui Majlis Tindakan Sosial Pahang (MTSP) bagi program anak muda seperti Moh Santai Orang Muda, Fun Run & Ride, Kelab Motor Tok Wan Pahang 1st dan Karnival Sukan MTSP Piala YAB Menteri Besar Pahang.

- ii. Kedua. Sebanyak **150 ribu ringgit** untuk Retreat Pemimpin Muda Pahang 2026 bagi membina kepimpinan belia yang responsif dan inovatif.
- iii. Ketiga. Sebanyak **330 ribu ringgit** bagi Youth Volunteer@Community Pahang untuk menggalakkan pelaksanaan projek komuniti dan kemudahan asas oleh belia.
- iv. Keempat. Sebanyak **1 juta ringgit** kepada Majlis Belia Negeri Pahang sebagai geran pengurusan untuk kelangsungan operasi dan program tahunan.
- v. Kelima. Sebanyak **475 ribu ringgit** bagi Youth Empowerment Society sebagai persiapan kepimpinan belia dari daerah hingga negeri.
- vi. Keenam. Sebanyak **300 ribu ringgit** untuk Program Pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3 (Pelaksanaan Kerja Belia) bagi melahirkan pelapis belia profesional dan bertauliah.
- vii. Ketujuh. Sebanyak **1.04 juta ringgit** melalui Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pahang bagi program seperti Festival Belia Pahang, Anugerah Perdana Belia Negara, Hari Sukan Negara dan Program Sukarelawan Anak Muda In Action.

PEMBANGUNAN SUKAN BERPRESTASI TINGGI

- 87. Di bawah Majlis Sukan Pahang, Kerajaan Negeri memperuntukkan **21.04 juta ringgit** untuk pembangunan sukan termasuk pembangunan atlet negeri dalam pelbagai acara.

88. Bagi memberi pengiktirafan kepada atlet muda yang membawa nama negeri Pahang ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa, Kerajaan Negeri menyediakan **450 ribu ringgit** melalui inisiatif Atlet Makmur Pahang.

PEMBANGUNAN BAKAT KREATIF

89. Bagi menggalakkan penciptaan karya kreatif digital serta penglibatan anak muda dalam industri media sosial dan kreatif, Kerajaan Negeri meneruskan program Karya Anak Pahang dan Dana Media Kreatif dengan peruntukan **300 ribu ringgit**.

MEMPERKUKUH KOMUNITI FELDA

90. Bagi memperkukuh kesejahteraan warga FELDA, Kerajaan Negeri melalui Sekretariat Muafakat FELDA Pahang memperuntukkan **5 juta ringgit** untuk pelaksanaan program seperti Jelajah Klinik Tok Wan, Kembara Muafakat FELDA Pahang, Sumbangan Makmur serta Program Pembangunan Pendidikan FELDA.
91. Program-program ini berperanan sebagai jambatan antara warga FELDA dan Kerajaan Negeri bagi memastikan kemakmuran komuniti FELDA terus berkekalan.

TERAS KELIMA : MEMASTIKAN TADBIR URUS DINAMIK, BERPRESTASI TINGGI DAN BERINTEGRITI

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

92. Teras kelima iaitu Memastikan Tadbir Urus Dinamik, Berprestasi Tinggi dan Berintegriti dirangka untuk memastikan jentera pentadbiran negeri kekal tangkas dan responsif bagi memastikan segala dasar dan inisiatif pembangunan memberi impak maksimum kepada rakyat.
93. Meneliti keperluan perancangan yang tepat dan berasaskan data, Kerajaan Negeri memperuntukkan **9.89 juta ringgit** bagi melaksanakan pelbagai kajian oleh jabatan dan agensi. Antara kajian adalah Rancangan Struktur Negeri Pahang 2040, Kajian dan Pembangunan Artifak, Kajian Biodiversiti dan Alam Sekitar.
94. Dalam usaha memperluas transformasi digital kerajaan, sebanyak **6.12 juta ringgit** diperuntukkan bagi program transformasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) penjawat awam serta penyediaan komputer riba kepada para pelajar termasuk pelajar Orang Asli.
95. Bagi menjamin keterhubungan digital seluruh negeri, Kerajaan Negeri memperuntukkan **3 juta ringgit** kepada Pahang Go bagi melaksanakan PRISMA 5.0 untuk menyediakan capaian internet yang lebih meluas khususnya kepada komuniti luar bandar dan pedalaman.

ANUGERAH PAHANG 1st

96. Anugerah Pahang 1st merupakan platform pengiktirafan rasmi Kerajaan Negeri untuk memupuk budaya kerja berprestasi tinggi dalam perkhidmatan awam.
97. Untuk itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan **750 ribu ringgit** untuk melaksanakan inisiatif ini termasuk mendorong inovasi, pengurusan berasaskan prestasi dan peningkatan nilai perkhidmatan.
98. Di samping itu, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan **300 ribu ringgit** bagi melaksanakan Sesi Libat Urus e-Rakyat, sebuah pangkalan data komprehensif untuk memusatkan maklumat bantuan rakyat secara lebih tersusun, telus dan berkesan.

BANTUAN KHAS KEWANGAN KEPADA PENJAWAT AWAM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

99. Segala kejayaan negeri hari ini tidak akan tercapai tanpa peranan penting penjawat awam yang menjadi tulang belakang pentadbiran. Komitmen dan kesetiaan mereka adalah nadi yang menggerakkan perkhidmatan kerajaan kepada rakyat.
100. Sehubungan itu, sebagai penghargaan di atas segala pengorbanan, kesetiaan, keikhlasan serta khidmat bakti sepanjang tahun, Kerajaan Negeri dengan sukacita mengumumkan pemberian Bantuan Khas Kewangan sebanyak **2 bulan gaji** kepada penjawat awam di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri melibatkan peruntukan keseluruhan

48 juta ringgit yang akan dikreditkan sebanyak 2 kali pada tahun 2026.

101. Sebagai tanda terima kasih atas komitmen dalam memastikan kelancaran penyampaian perkhidmatan awam, Kerajaan Negeri memperuntukkan **3.75 juta ringgit** bagi Pemberian Insentif Khas Pahang 1st sebanyak 200 ringgit kepada 18,743 kakitangan awam Persekutuan berpendapatan bawah 3 ribu ringgit pada 31 Disember 2025.
102. Saya amat berharap seluruh penjawat awam Negeri dan Persekutuan terus berdiri teguh bersama Kerajaan Negeri untuk memperkasa iltizam, memantapkan integriti dan memelihara semangat berpasukan agar segala agenda pembangunan yang direncanakan dapat direalisasikan demi kemakmuran negeri serta kesejahteraan rakyat Pahang.
103. Dalam masa yang sama, saya menyeru agar penjawat awam kekal menjadi benteng pelindung yang mempertahankan Kerajaan Negeri apabila wujud suara-suara yang cuba memesongkan fakta, mengeruhkan persepsi dan menggugat keyakinan rakyat terhadap usaha yang telah dilaksanakan selama ini.

TERAS KEENAM : MENJAMIN KELESTARIAN ALAM

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

104. Teras keenam iaitu Menjamin Kelestarian Alam memberi penekanan kepada komitmen Kerajaan Negeri untuk memastikan pembangunan negeri bergerak seiring dengan pemeliharaan alam sekitar.

Kelestarian bukan lagi pilihan tetapi tuntutan masa hadapan bagi menjamin ekosistem yang sihat, sumber yang berkekalan dan kualiti hidup yang lebih baik untuk seluruh rakyat Pahang.

KELESTARIAN BIODIVERSITI DAN PENGURUSAN HUTAN

105. Pahang merupakan negeri yang kaya dengan khazanah alam semula jadi dengan 2.06 juta hektar atau 57.07 peratus merupakan kawasan berhutan daripada 3.59 juta hektar keseluruhan keluasan negeri Pahang.
106. Justeru, Kerajaan Negeri sentiasa berpendirian bahawa hutan bukan sekadar aset ekonomi tetapi nadi ekologi dan warisan generasi masa depan.
107. Bagi memperkukuh agenda pemeliharaan hutan dan biodiversiti, Kerajaan Negeri memperuntukkan **102.83 juta ringgit** kepada agensi-agensi berkaitan seperti Jabatan Perhutanan Negeri Pahang, Majlis Biodiversiti Pahang, Perbadanan Taman Negeri Pahang serta Unit Penguatkuasaan Negeri Pahang.
108. Daripada jumlah ini, sebanyak **65.08 juta ringgit** disediakan khusus bagi pengurusan, pembangunan program dan projek pemuliharaan sumber ekologi melalui Jabatan Perhutanan Negeri Pahang termasuk pengurusan kawasan sensitif, aktiviti restorasi serta inisiatif meningkatkan daya tahan ekosistem negeri.
109. Seterusnya, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan **780 ribu ringgit** di bawah peruntukan pembangunan bagi melaksanakan projek-projek pengurusan sumber hutan serta program perlindungan hutan.

Langkah ini adalah manifestasi kesungguhan berterusan Kerajaan Negeri dalam mempertahankan kelestarian biodiversiti Pahang.

PENGURUSAN MINERAL LESTARI

110. Sumber mineral merupakan antara penyumbang penting kepada hasil negeri. Namun pengurusannya mesti selaras dengan prinsip kelestarian. Atas dasar itu, Kerajaan Negeri menyasarkan kutipan hasil sebanyak **150 juta ringgit** pada tahun 2026 melalui pengurusan mineral secara teratur dan telus.
111. Bagi menyokong pembangunan industri mineral, Kerajaan Negeri melalui Pahang Mining Corporation (PMC) memperuntukkan **4.5 juta ringgit** untuk rancangan pembangunan industri mineral.
112. Seiring dengan itu, sebanyak **1.65 juta ringgit** diperuntukkan kepada Projek Pengembangan Industri Mineral meliputi projek pengurusan sisa lombong, kajian pra-kebolehlaksanaan kaedah pengangkutan mineral baharu dan kajian potensi serta deposit mineral negeri Pahang.
113. Usaha ini penting bagi memastikan sektor mineral terus berkembang tanpa menjejaskan alam sekitar.

PENINGKATAN KUALITI BEKALAN AIR UNTUK RAKYAT

114. Akses kepada air bersih adalah hak asas rakyat. Kerajaan Negeri memperuntukkan siling peruntukan keseluruhan di bawah Rancangan Negeri Pahang 2026-2030 berjumlah **716.05 juta ringgit** bagi projek-projek bekalan air termasuk pembinaan infrastruktur

baharu dan menaik taraf sistem sedia ada bekalan air di seluruh negeri.

115. Pada tahun 2026, Kerajaan Negeri memperuntukkan **64.54 juta ringgit** melalui Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP) untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan, mengurangkan kehilangan air tidak terhasil (NRW) serta memastikan bekalan lebih stabil dan berkualiti.
116. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri melalui PAIP telah menyediakan Program Air Percuma Pahang 1st bagi setiap 20 kubik meter pertama bagi membantu golongan B40 menikmati air terawat percuma serta mengurangkan bil air isi rumah bulanan. Pada tahun 2025 sebanyak **4.6 juta ringgit** telah disediakan. Manakala bagi tahun 2026 pula sebanyak **7.3 juta ringgit** atau kenaikan 58.7 peratus akan disediakan yang memberi manfaat kepada 38,000 pengguna.
117. Di samping itu, **1.44 juta ringgit** turut diagihkan kepada Badan Kawal Selia Air untuk kerja-kerja pembinaan struktur “log boom” iaitu benteng memerangkap halangan di Empangan Chereh Sungai Lembing, pemasangan sistem pemantauan kualiti air atas talian serta penyelenggaraan kemudahan sedia ada.

PENGURUSAN SUNGAI DAN KAWALAN BANJIR

118. Kerajaan Negeri terus memberi keutamaan kepada usaha mengurangkan risiko bencana banjir melalui pendekatan menyeluruh yang melibatkan kerja-kerja mitigasi, pemuliharaan serta pembangunan infrastruktur saluran.

119. Bagi tujuan tersebut, sebanyak **52.23 juta ringgit** diperuntukkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Pahang bagi melaksanakan projek-projek berkaitan pengurangan risiko banjir, hakisan pantai dan pemulihan muara sungai.
120. Usaha Kerajaan Negeri turut diperkukuh dengan sokongan Kerajaan Persekutuan melalui peruntukan **188 juta ringgit** yang disalurkan untuk projek tebatan banjir berskala besar, rancangan pemuliharaan koridor sungai, kerja-kerja menstabilkan hakisan pantai, naik taraf infrastruktur pengairan serta kajian dan pembangunan sistem saliran mesra alam.
121. Kerajaan Negeri pula memperuntukkan sebanyak **11.16 juta ringgit** untuk pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir Daerah dan Projek Pengurusan Lembangan Sungai sebagai langkah meningkatkan keselamatan, ketahanan dan kesejahteraan komuniti.
122. Kerajaan Negeri juga menyediakan **5.3 juta ringgit** bagi projek pembangunan saliran bandar, memastikan infrastruktur saliran lebih tersusun, moden dan mampu menyokong pembangunan bandar yang lestari serta mesra alam.

TERAS KETUJUH : MENYEJAHTERAKAN RAKYAT

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

123. Teras ketujuh iaitu Menyejahterakan Rakyat menegaskan pendirian Kerajaan Negeri bahawa pembangunan yang pesat tidak akan membawa makna sekiranya tidak diterjemahkan dalam bentuk kesejahteraan kepada rakyat.

124. Oleh itu, pendekatan Kerajaan Negeri adalah memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat manfaat secara langsung daripada hasil negeri seterusnya menikmati kehidupan yang lebih makmur.

MENYANTUNI RAKYAT PAHANG

125. Bagi memperkukuh kesejahteraan rakyat, Kerajaan Negeri komited meneruskan Program Sentuhan Rakyat Makmur pada tahun 2026. Untuk itu, Kerajaan Negeri memperuntukkan **2 juta ringgit** bagi menjayakan program turun padang yang membolehkan rakyat menyuarakan isu, cadangan dan keperluan mereka secara langsung kepada Kerajaan Negeri.
126. Kerajaan Negeri juga memperuntukkan **860 ribu ringgit** kepada Sekretariat Perantau Anak Pahang bagi penganjuran pelbagai program bersama anak-anak Pahang di perantauan bertujuan mempererat hubungan dengan mereka. Antara program yang akan diteruskan termasuk Jamuan Mega Raya, Karnival Sukan Perantau Anak Pahang, Program Larian Tok Gajah serta Baucar Petrol Moh Balik Beraya Pahang.
127. Selain itu, Kerajaan Negeri turut memperuntukkan **5 juta ringgit** bagi meneruskan Karnival Aspirasi Pahang 1st yang menjadi platform interaksi rakyat dan kerajaan termasuk penganjuran Karnival Tanah Pahang dan Karnival Usahawan Makmur.
128. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan Jelajah Aspirasi Pahang 1st dengan peruntukan **3 juta ringgit** bagi menangani isu-isu asas rakyat seperti air, elektrik, infrastruktur kecil serta kerosakan kemudahan awam di peringkat komuniti.

PENYELENGGARAAN JALAN DAN INFRASTRUKTUR NEGERI

129. Kerajaan Negeri merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Persekutuan atas peruntukan yang disalurkan bagi pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur jalan di seluruh negeri.
130. Pada tahun 2026, kerja-kerja penyelenggaraan jalan negeri, jalan perbandaran, jalan pertanian dan jalan kampung akan dilaksanakan dengan nilai keseluruhan **455 juta ringgit**.
131. Sebagai usaha berterusan untuk meningkatkan kualiti infrastruktur negeri, Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang diperuntukkan sebanyak **134.34 juta ringgit** untuk bajet mengurus dan pembangunan. Daripada jumlah ini, **54.95 juta ringgit** disediakan khusus bagi menaik taraf jalan serta membaik pulih dan menaik taraf kompleks pejabat kerajaan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat.
132. Kerajaan Negeri juga meneruskan subsidi Kad Pengangkutan Feri Tioman bagi memudahkan mobiliti penduduk Pulau Tioman. Bagi pelaksanaan program ini, sebanyak **500 ribu ringgit** diperuntukkan kepada Lembaga Pembangunan Tioman.

PROJEK PERUMAHAN NEGERI PAHANG

133. Usaha menyediakan kediaman selesa, berkualiti dan mampu milik kepada rakyat terutama golongan muda sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan Negeri. Melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang (LPHP) pelbagai inisiatif telah digerakkan bagi memastikan setiap keluarga menikmati tempat tinggal yang selamat dan sejahtera.

134. Komitmen ini dilaksanakan melalui projek-projek perumahan seperti Rumah PR1MA Pahang, Rumah Makmur Pahang, Rumah Rakyat Pahang dan Pangsapuri Pahangku yang bukan sahaja menangani keperluan semasa tetapi turut membawa impak jangka panjang kepada kualiti hidup rakyat Pahang.

RUMAH RAKYAT PAHANG

135. Sejak mula dilancarkan pada tahun 2020 sehingga November 2025, sebanyak 1,110 unit Rumah Rakyat Pahang telah siap dibina dan diserahkan kepada penerima dengan nilai sebanyak **83.25 juta ringgit**.
136. Bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri memberikan peruntukan mengurus dan pembangunan sebanyak **8.55 juta ringgit** kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Pahang (LPHP).
137. Bagi meneruskan pelaksanaan pembinaan Rumah Rakyat Pahang Fasa 6, sebanyak **28.7 juta ringgit** diperuntukkan dengan subsidi daripada Kerajaan Negeri sebanyak 9.45 juta ringgit dan 19.25 juta ringgit daripada LPHP, bertujuan membantu golongan miskin dan miskin tegar memiliki rumah yang selesa secara percuma dengan nilai 80 ribu ringgit seunit berserta kelengkapan rumah.
138. Kerajaan Negeri akan meneruskan pelaksanaan program Rumah Rakyat Pahang Kuota Orang Asli Fasa 7 pada tahun 2026 bagi memastikan masyarakat Orang Asli mendapat akses kepada kediaman yang selesa, selamat dan berdaya huni. Projek ini merupakan kesinambungan daripada inisiatif yang telah bermula

sejak tahun 2023 dan pada tahun 2026 sebanyak **10.29 juta ringgit** telah diperuntukkan bagi tujuan ini.

139. Projek Skim Tanah Warisan Fasa 3 diteruskan di DUN Cheka, Lipis selepas dilaksanakan di DUN Jelai, Lipis dan DUN Bebar, Pekan dengan peruntukan sebanyak **15 juta ringgit**.
140. Seterusnya patik merafak sembah dan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang atas keprihatinan serta kecaknaan dalam membantu rakyat jelata memiliki rumah secara percuma dengan mengilhamkan Program Rumah Rakyat Al-Sultan Abdullah (RU'RASA).
141. Sebanyak **26.86 juta ringgit** telah diperuntukkan oleh LPHP bagi pembinaan RU'RASA Fasa 3. Sehingga November 2025, sebanyak 384 unit rumah telah siap dibina dalam Fasa 1 dan Fasa 2 dengan nilai **32.45 juta ringgit**.

MEMPERKUKUH KESEJAHTERAAN MASYARAKAT

142. Dalam memastikan kelompok rentan sentiasa mendapat perlindungan, sokongan serta kebajikan yang berkesan, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) terus memainkan peranan penting sebagai agensi pelaksana dasar sosial negara.
143. Bagi memperkukuh usaha tersebut, Kerajaan Negeri memperuntukkan **19.14 juta ringgit** kepada JKM, selain **10 juta ringgit** lagi melalui Tabung Bencana Negeri Pahang.

144. Menyedari kepentingan kebajikan warga emas dan orang kurang upaya (OKU), Kerajaan Negeri meneruskan Program Khidmat Bantu di Rumah (KBDR) dengan peruntukan **1 juta ringgit**.
145. Kerajaan Negeri turut menyalurkan pemberian one-off sebanyak **300 ringgit** kepada pelatih pemulihan dalam komuniti sebagai galakan untuk terus mengikuti program di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK). Inisiatif ini melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah **468 ribu ringgit**.
146. Pada masa sama, Kerajaan Negeri meneruskan sumbangan one-off sebanyak 500 ringgit kepada setiap penyelia dan petugas PPDK melibatkan peruntukan **150 ribu ringgit**.
147. Bagi memperkukuh usaha pencegahan penyalahgunaan dadah, Kerajaan Negeri bersetuju memperuntukkan **75 ribu ringgit** kepada PEMADAM, **75 ribu ringgit** lagi kepada PENGASIH dan **150 ribu ringgit** pula kepada Drugs Intervention Community (DIC) untuk menggerakkan aktiviti kesedaran serta pendidikan antidadah di seluruh negeri.
148. Sebagai komitmen berterusan untuk membangunkan kemudahan sosial yang lebih inklusif, Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk membina sebuah Kompleks Komuniti di Daerah Lipis dengan peruntukan **10 juta ringgit** bagi manfaat masyarakat setempat.

WANITA TIANG SERI KEHIDUPAN

149. Kerajaan Negeri terus menghargai sumbangan wanita dalam pembangunan keluarga dan negeri dengan meneruskan program

khusus di bawah Dasar dan Pelan Tindakan Wanita Negeri Pahang dengan peruntukan sebanyak **1 juta ringgit**.

150. Selain itu, sebanyak **1 juta ringgit** juga diperuntukkan di bawah program Anggun Suri untuk membantu pasangan muda terutama golongan kurang berkemampuan termasuk B40 untuk melangsungkan perkahwinan.
151. Program Anggun Maju diteruskan dengan peruntukan sebanyak **1 juta ringgit** yang memberikan manfaat kepada 1,000 usahawan wanita di negeri Pahang.

KESEJAHTERAAN KOMUNITI ORANG ASLI

152. Kesejahteraan komuniti Orang Asli sentiasa menjadi agenda penting dalam belanjawan negeri dengan setiap penekanan difokuskan kepada peluang pendidikan, ekonomi dan infrastruktur untuk mereka dalam memastikan suara dan kepentingan masyarakat Orang Asli terus diberi perhatian dalam arus pembangunan negeri.
153. Untuk itu, pelbagai program dan inisiatif akan terus dilaksanakan pada tahun 2026 iaitu:
- i. Pertama. Projek Baik Pulih Rumah dengan peruntukan **1.5 juta ringgit**.
 - ii. Kedua. Projek Pembekalan Air ke Kampung Orang Asli dengan peruntukan **500 ribu ringgit**.

- iii. Ketiga. Program Penyerahan Bakul Makanan untuk masyarakat Orang Asli dengan peruntukan **2.63 juta ringgit**.
- iv. Keempat. Program Sambutan Hari Orang Asli Sedunia Peringkat Negeri Pahang dengan peruntukan **400 ribu ringgit**.
- v. Kelima. Pelaksanaan program seperti e-DOA (Education Demi Orang Asli) dan Program Insentif Kecemerlangan Pelajar Orang Asli dengan peruntukan **300 ribu ringgit**.

JUADAH MAKMUR

- 154. Kerajaan Negeri komited untuk meneruskan inisiatif Juadah Makmur pada tahun 2026 dengan peruntukan **8.5 juta ringgit**, walaupun terdapat suara-suara yang mengkritik dan mempersoalkan pelaksanaannya. Inisiatif ini menjadi wadah mempererat silaturahim serta memupuk budaya berkongsi rezeki yang telah mendapat sambutan sangat baik dalam kalangan masyarakat.
- 155. Sebagai tanda keprihatinan, Kerajaan Negeri meluaskan inisiatif ini kepada pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan peruntukan **1.2 juta ringgit**.

JUALAN MAKMUR

- 156. Bagi mengekang kenaikan harga barang serta memastikan bekalan makanan asas mudah diperoleh rakyat, Kerajaan Negeri meneruskan program Jualan Makmur untuk membantu orang ramai mendapatkan barangan asas pada harga berpatutan dengan peruntukan **7.56 juta ringgit**.

INISIATIF MAKMUR PAHANG

157. Sebagai tanda komitmen berterusan Kerajaan Negeri untuk memastikan kebajikan rakyat terus diperkasa, Inisiatif Makmur Pahang (IMP) diteruskan bagi tahun 2026 dengan jumlah keseluruhan peruntukan sebanyak **84.59 juta ringgit** kenaikan sebanyak 67.37 peratus berbanding tahun 2025.
158. Peruntukan kepada 4 kluster penerima ini membuktikan iltizam Kerajaan Negeri bahawa pembangunan negeri Pahang mesti bergerak seiring dengan jaminan kebajikan rakyat supaya manfaat pembangunan dirasakan secara inklusif oleh semua lapisan masyarakat.

KLUSTER PELAJAR

159. Bagi Kluster Pelajar, Kerajaan Negeri menyediakan 7 inisiatif iaitu:
160. Pertama. Pemberian Peralatan Persekolahan kepada semua pelajar Tahun 1 dan pelajar miskin tegar Tahun 2 hingga Tingkatan 5 bernilai 100 ringgit, serta pemberian Baucar Jom Sekolah bernilai 100 ringgit bagi pakaian dan kelengkapan sekolah melalui Program Tunas Makmur dengan peruntukan **14.8 juta ringgit**.
161. Meneruskan pemberian Kad Diskaun 30 peratus kepada semua ibu bapa yang mempunyai anak dari Tadika sehingga Tingkatan 6, mahasiswa IPT anak Pahang dan bukan anak Pahang yang sedang belajar di negeri Pahang, semua guru termasuk guru tadika dan semua pensyarah di IPT dalam negeri Pahang.

162. Kedua. Pemberian Bantuan Buku Rujukan dan Latihan kepada pelajar SPM, STPM dan STAM dengan peruntukan **3.64 juta ringgit**.
163. Ketiga. Inisiatif Pemberian Bantuan Makanan kepada pelajar sekolah menengah miskin tegar dengan peruntukan **4 juta ringgit**.
164. Keempat. Pemberian bantuan 100 ringgit kepada pelajar tahfiz dengan peruntukan **800 ribu ringgit**.
165. Kelima. Pemberian Insentif Kecemerlangan Pendidikan Negeri Pahang bagi pelajar SPM, STPM dan STAM berjumlah **1.5 juta ringgit** sebagai penghargaan kepada pelajar cemerlang anak Pahang yang mengharumkan nama negeri.
166. Keenam. Pemberian sumbangan 400 ringgit kepada pelajar Pahang di IPTA seluruh negara dan pelajar Pahang di IPTS yang berdaftar dengan Kerajaan Negeri melibatkan peruntukan keseluruhan **9 juta ringgit**.
167. Ketujuh. Pemberian sumbangan 1 ribu ringgit kepada setiap pelajar yang melanjutkan pengajian ke luar negara dengan peruntukan **300 ribu ringgit**.

KLUSTER AGAMA

168. Bagi Kluster Agama pula, Kerajaan Negeri menyediakan 9 inisiatif iaitu:

169. Pertama. Pemberian sumbangan 10 ribu ringgit kepada masjid dan 4 ribu ringgit kepada surau kebenaran solat Jumaat dengan peruntukan **7.95 juta ringgit**.
170. Kedua. Pemberian sumbangan Khairat Kematian 200 ringgit kepada waris dengan peruntukan **3 juta ringgit**.
171. Ketiga. Pemberian wang saku 750 ringgit dan bekalan makanan retort di bawah Juadah Makmur kepada jemaah haji Pahang dengan peruntukan **2.5 juta ringgit** menerusi Program Barakah Haji Pahang.
172. Keempat. Pemberian insentif 200 ringgit kepada setiap mualaf dengan peruntukan **1 juta ringgit**.
173. Kelima. Pemerkasaan Koperasi Masjid dengan peruntukan **600 ribu ringgit**.
174. Keenam. Pemberian bantuan 2 ribu ringgit kepada setiap Maahad Tahfiz yang berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Negeri Pahang (JAIP), Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP) dengan peruntukan **500 ribu ringgit**.
175. Ketujuh. Pemberian insentif 300 ringgit kepada pengantin baharu yang berkahwin kali pertama dengan peruntukan **1.4 juta ringgit**.
176. Kelapan. Pemberian Bantuan Khas Aidilfitri kepada Imam, Bilal, Siak, Wali Hakim, Guru Takmir, Guru KAFA dan Pengurus Jenazah dengan peruntukan **1.28 juta ringgit**.

177. Kesembilan. Program Berkhatan Anak Pahang diteruskan dengan peruntukan sebanyak **1.3 juta ringgit** yang memberi manfaat kepada kanak-kanak, golongan mualaf dan Orang Asli.

KLUSTER B40

178. Bagi Kluster B40, Kerajaan Negeri menyediakan 3 inisiatif termasuk pemberian lesen percuma kepada penjaja B40 sedia ada seluruh Pahang yang telah disebut di awal tadi. Dua lagi inisiatif ialah:
179. Pertama. Pemberian bantuan 200 ringgit kepada setiap golongan petani dengan peruntukan **1.07 juta ringgit**.
180. Kedua. Pemberian bantuan 200 ringgit kepada setiap golongan nelayan dengan peruntukan **650 ribu ringgit**.

KLUSTER UMUM

181. Bagi Kluster Umum pula, Kerajaan Negeri menyediakan 5 inisiatif iaitu:
182. Pertama. pemberian kad kesihatan untuk warga emas dan OKU, diperluas kepada pesara ATM dan PDRM dengan peruntukan **16 juta ringgit** menerusi Program Kasih Makmur.
183. Kedua. Pemberian sumbangan kepada setiap kelahiran baharu di Pahang dengan peruntukan **6.5 juta ringgit** menerusi Program Permata Makmur.

184. Ketiga. Pemberian insentif one-off kepada Pengerusi JPKK, JPKKOA, Tok Batin, Timbalan Pengerusi JKRR, Setiausaha JPKKOA, Pengerusi GPW FELDA dan Setiausaha JPKK dengan peruntukan **1.2 juta ringgit**.
185. Keempat. Pemberian subsidi pembedahan katarak mata dengan peruntukan **1.5 juta ringgit**.
186. Kelima. Pemberian 10 ribu topi keledar percuma kepada B40, belia, pelajar dan penduduk luar bandar dengan peruntukan **1.1 juta ringgit**.

PROGRAM APRESIASI PAHANG 1st

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

187. Di sebalik kejayaan yang tercipta daripada ekonomi yang terus berkembang, hasil negeri yang kukuh, tadbir urus yang berintegriti dan perpaduan rakyat yang tidak pernah luntur, tersimpan denyut nadi sokongan rakyat Pahang yang menjadi sumber kekuatan Kerajaan Negeri. Segala pencapaian ini bukan hanya hasil usaha pentadbiran semata-mata tetapi terbit daripada kepercayaan serta dukungan rakyat yang sentiasa berdiri bersama.
188. Atas semangat kebersamaan inilah, Kerajaan Negeri bersetuju menambah inisiatif sedia ada dengan memperkenalkan satu program khas iaitu Program Apresiasi Pahang 1st sebagai satu wadah tanda terima kasih, satu jambangan penghargaan yang mengalir kembali kepada rakyat dalam bentuk manfaat yang boleh dirasa, disentuh dan dinikmati semua lapisan masyarakat.

189. Bagi menjayakan Program Apresiasi Pahang 1st ini, Kerajaan Negeri memperuntukkan **100 juta ringgit** melalui pelbagai jabatan negeri seperti Majlis Sukan Pahang (MSP), Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Jabatan Pertanian Negeri Pahang, Jabatan Perikanan Negeri Pahang serta badan-badan bukan kerajaan (NGO) utama negeri seperti Sekretariat Apresiasi Pahang 1st, Majlis Tindakan Sosial Pahang (MTSP), Majlis Pembangunan Wanita Pahang (MPWP), Majlis Mahasiswa Anak Pahang (MAMPAN), Majlis Kebudayaan Negeri Pahang (MKNP), Kumpulan Penggerak Ibu Bapa Komuniti dan Swasta (KPBKS), Sekretariat Perantau Anak Pahang dan Sekretariat Muafakat FELDA Pahang.
190. Pelaksanaan program-program ini merangkumi manfaat menyeluruh kepada setiap segmen masyarakat melalui 8 komponen utama iaitu:
- i. Pertama. Program pembangunan sukan, NGO dan belia seluruh negeri Pahang sebanyak **18.98 juta ringgit**. Antaranya seperti Program Soccer Kids dan Liga Bola Sepak sebanyak **4 juta ringgit**.
 - ii. Kedua. Program muhibah dan perpaduan seluruh negeri Pahang sebanyak **32.9 juta ringgit**. Antaranya adalah Baucar Hari Perayaan sebanyak **7.4 juta ringgit**.
 - iii. Ketiga. Program bantuan kebajikan kepada ibu tunggal, warga emas, anak yatim, pesakit kronik dan OKU sebanyak **11 juta ringgit**. Antaranya Program Ibu Tunggal Pahang 1st sebanyak **6 juta ringgit**.

- iv. Keempat. Program pemantapan sektor keterjaminan makanan dan keusahawanan sebanyak **7 juta ringgit**. Salah satu program adalah Pahang Apprentice Nelayan bersama Yayasan Pahang sebanyak **1 juta ringgit** bagi melahirkan nelayan moden dan berdaya saing.
- v. Kelima. Program pemerkasaan pendidikan dan syiar Islam sebanyak **16.63 juta ringgit**. Antaranya Jejak Aspirasi Pahang 1st Mahasiswa Luar Negara sebanyak **2 juta ringgit** dan **2 juta ringgit** juga diperuntukkan kepada Yayasan Pelajaran MARA (YPM) bagi pelaksanaan program-program kepimpinan dan kenegaraan dalam kalangan pelajar tingkatan 5.
- vi. Keenam. Program kesenian, kebudayaan dan warisan sebanyak **5.49 juta ringgit**. Salah satu program adalah Ikon Aspirasi Pahang 1st sebanyak **1 juta ringgit**.
- vii. Ketujuh. Program Pahang 1st Job Fair di setiap zon dalam negeri Pahang sebanyak **1 juta ringgit** untuk mengurangkan kadar pengangguran serta menyediakan peluang pekerjaan baharu kepada rakyat Pahang.
- viii. Kelapan. Peruntukan bantuan pengurangan bayaran balik pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Ijazah Pertama anak Pahang yang baru bekerja bermula pada tahun 2025 dengan peruntukan keseluruhan sebanyak **7 juta ringgit**.

PENUTUP

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

191. Naskhah Belanjawan 2026 dianyam sebegini rupa untuk kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negeri. Denyut nadi rakyat dizahirkan agar didengar kesahnya dan dilunakkan keluhnya untuk meringankan bebanan mereka yang memerlukan.
192. Kita seharusnya bersyukur dengan kemakmuran negeri yang telah kita kecapai. Bersyukur itu, manis bunyinya. Kata yang keluar ibarat benih, kalau baik tumbuhnya harum, kalau kasar tumbuhnya duri.
193. Hindarilah diri dengan maki makian, mencela dan mengeji untuk menidakkan gema kebenaran serta kebaikan yang telah dilakukan pihak kerajaan.
194. Jangan terlalu ghairah mengejar bulan, kerana tanah yang dipijak pun menyimpan rahsia rezeki. Banyak manusia silau pada cahaya bulan hingga lupa tanah yang menumbuhkan kehidupan yang melata.
195. Masih ada pihak yang ghairah mengusik dacing kestabilan dengan hanya kerana kompas politik yang berbeza, menunggang agama demi agenda politik, mengasah tajam belati perkauman hingga mencarikkan anyaman kemakmuran negeri yang tenang lagi damai seluas segara yang telah kita usahakan sekian lama.
196. Negeri ini kita wariskanlah kepada generasi akan datang yang kukuh jati diri rakyatnya, terpasak di setiap lubuk hati visi dan misi Aspirasi Pahang 1st.

197. Melalui belanjawan yang dibentangkan ini, rakyat akan dapat melihat kesungguhan Kerajaan Negeri merealisasikan Aspirasi Pahang 1st, dasar negeri yang menjadi tunjang kepada hala tuju pembangunan dan pentadbiran negeri bergerak ke hadapan.
198. Hanya dengan menemukan titik persamaan dalam perbezaan segala yang kita impikan melalui belanjawan ini dapat direalisasikan. Air sama air menjadi satu, sampah akan ke tepi jua.
199. Timbanglah kata dengan akal, bukan dengan emosi yang dibayangi persepsi. Jangan hanya pandai bergendang di pentas tetapi tidak mampu menabuh di gelanggang. Hanya bijak berkata-kata tetapi hakikatnya tidak mampu melaksanakannya.

*Padi menguning tunduk berisi,
Lalang tegak tiada berbudi,
Yang tiada usaha kuat berbunyi,
Kerja tak nampak bisung tiap hari.*

200. Di akhirnya, marilah setiap daripada kita memainkan peranan masing-masing. Yang bisu menyimpan rahsia, yang pekak menembak meriam, yang buta meniup lesung, yang kurus menjaga lauk, yang gemuk mengimbang perahu, untuk membuka lembaran perjuangan masa depan negeri ini dengan penuh iltizam menjulang martabat agama, bangsa dan negeri, demi negeriku Darul Makmur.

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

201. Demikianlah perancangan pembangunan dan perbelanjaan Kerajaan Negeri Pahang untuk tahun 2026.

202. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus dalam memberikan yang terbaik kepada negeri Pahang.
203. Penjawat awam Kerajaan Negeri dan Persekutuan, sektor swasta, gerakan belia dan orang muda, para profesional, ahli agama, penggiat seni dan aktivis alam sekitar, pengamal media, pakar ekonomi dan warga pendidik, golongan wanita dan pelajar, mereka yang di bandar, di desa serta seluruh rakyat Pahang.
204. Kemuncaknya, sudah pastinya persembahan ucapan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke sisi Kebawah Duli Paduka Baginda Sultan Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah, Kebawah Duli Paduka Baginda Tengku Ampuan Pahang Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum Sultan Iskandar Al-Haj dan Kebawah Duli Paduka Mulia Tengku Mahkota Pahang Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, kerana telah memberi kepercayaan kepada patik untuk menggalas tugas mengurus tadbir negeri Pahang Darul Makmur ini.

*Bunga tanjung mekar berseri,
Harum semerbak sepanjang masa,
Rakyat sejahtera negeri diberkati,
Aspirasi Pahang 1st tekad bersama.*

*Bumi Pahang negeri bertuah,
Belanjawan dibentang penguat watan,
Negeri dipacu teguh dan megah,
Rakyat diutama makmur berkekalan.*

Yang Berhormat Dato' Sri Speaker,

205. Saya dengan ini mohon mencadangkan Belanjawan Negeri Pahang bagi tahun 2026 dan saya mohon mendapat sokongan semua.

Sekian.

**WABILLAHITTAUFIKWALHIDAYAHWASSALAMUALAIKUM
WARAHMATULLAHIWABARAKATUH**



**PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN
NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR**

**TINGKAT 3, 5 & 6, BLOK B,
WISMA SRI PAHANG, 25503 KUANTAN,
PAHANG DARUL MAKMUR.**

 **09-512 6800**  **09-513 4839**

 **pkn@pahang.gov.my**